



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN  
YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA  
PROGRAM PENANAMAN POKOK MELAKA SEMPENA  
KONVOI JEMPUTAN TAHUN MELAWAT MELAKA  
(TMM) 2024

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**05 DISEMBER 2023 (SELASA)**  
**10:30 PAGI**

**ROBINA ECO PARK (FASA 1)**  
**SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan-Nya jua kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam **Program Penanaman Pokok Melaka Sempena Konvoi Jemputan Tahun Melawat Melaka (TMM) 2024**.
2. Di kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Konvoi Jemputan Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM 2024) Kerajaan Negeri Melaka ke Bandaraya Seberang Perai. Konvoi ini diwakili oleh seramai 52 pegawai-pegawai daripada Kerajaan Negeri Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG). Majlis Bandaraya Seberang Perai mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datuk Haji Zaidi bin Attan, Timbalan Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Kebudayaan Negeri Melaka; Yang Berbahagia Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) merangkap Presiden *Malaysian Association of Local Authorities* (MALA); Yang Berusaha Tuan Ahmad Azlan bin Ahmad Salleh, Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya

Melaka Bersejarah (MBMB); Yang Berusaha Tuan Aswari bin Che Ibrahim, Pengarah Muzium Penjara Malaysia Melaka dan kesemua ahli konvoi ke Bandaraya Seberang Perai.

3. Dalam usaha memperkasakan industri pelancongan Melaka ke tahap yang lebih cemerlang, Kerajaan Negeri Melaka menganjurkan Tahun Melawat Melaka 2024 bermula pada 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 dengan bertemakan "*Mana Lagi? Melaka Ler...*". Objektif penganjuran Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM 2024) ini adalah menjadikan Melaka sebagai '*top of the mind*' dan '*preferred tourist destination*' dengan sasaran 15 sehingga 18.7 juta pelancong-pelancong tempatan dan luar negara ke Melaka pada tahun hadapan.
4. Selain itu, TMM 2024 juga merupakan misi Kerajaan Negeri Melaka dalam menggalakkan penglibatan rakyat negeri Melaka di dalam sektor pelancongan di dalam penjagaan kebersihan, keceriaan di samping melindungi tarikan pelancongan sejarah, warisan dan alam semula jadi negeri Melaka melalui aktiviti pemuliharaan dan konservasi.
5. Bagi menyahut seruan Kerajaan Negeri Melaka, pelbagai program dan aktiviti akan dijalankan bagi mempromosikan TMM 2024. Salah

satu program promosi dan kempen TMM 2024 antaranya adalah ***Majlis Menanam Pokok Sempena Konvoi Jemputan Tahun Melawat Melaka (TMM) 2024 di Pihak Berkuasa Tempatan Angkat (PBT) bagi setiap Negeri di Semenanjung Malaysia.*** Matlamat program ini adalah pemberian Pokok Melaka (*Phyllanthus emblica*) kepada PBT Pulau Pinang sempena Tahun Melawat Melaka 2024 dan menjalin hubungan erat antara PBT di samping mempromosi *Malaysian Association of Local Authorities (MALA)* kepada PBT negeri sekaligus menandakan sokongan kepada aktiviti anjuran MALA.

6. Majlis Bandaraya Seberang Perai dilantik sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Angkat Negeri bagi majlis menanam pokok sempena konvoi jemputan ini. Konvoi daripada Melaka akan memberikan empat (4) batang anak Pokok Melaka (*Phyllanthus emblica*) kepada MBSP yang mana tiga (3) batang anak pokok akan ditanam di Pantai Robina Eco Park Fasa 1. Majlis Bandaraya Pulau Pinang juga akan menerima sebatang anak pokok.
  
7. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) amat komited untuk menjadi bandaraya yang seiring dengan Penang 2030 “*A Family – Focused Green and Smart State That Inspires the Nation*”.

8. Di Seberang Perai, sejak tahun 2008 sehingga November 2024, MBSP telah menanam sebanyak 113,593 pokok di seluruh Seberang Perai. Untuk menjayakan program penanaman pokok di Seberang Perai, MBSP telah melaksanakan banyak program penanaman pokok secara besar-besaran. MBSP memberi penekanan terhadap peranannya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan ruang hijau dan selamat kepada penduduk dan masyarakat setempat dan mengekalkan udara yang bersih dan persekitaran yang sihat selaras dengan SDG 11: "*Make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable*"; dan SDG 13: "*Take urgent action to combat climate change and its impact*", dan sejajar dengan kempen Kerajaan Negeri iaitu Penang 2030 A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation, MBSP hendak membawa perubahan kepada semua rakyat Seberang Perai dengan menjadi sebuah bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon, sebuah bandaraya berdaya tahan, bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat serta Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah bandaraya yang kompetitif dan pintar.
9. Bagi menyahut Wawasan Penang2030, MBSP juga telah telah menentukan hala tuju yang jelas iaitu mensasarkan untuk *carbon neutral city* pada tahun 2030 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. Antara program-program yang dilaksanakan adalah:-

- i. Program Pendidikan *Upcycle* di mana taklimat dan pendedahan *upcycle* dilaksanakan di 65 buah sekolah sekitar Seberang Perai.
- ii. Anugerah Sekolah Hijau yang melibatkan 64 buah sekolah di Seberang Perai bagi memberi pendedahan amalan hijau kepada pelajar sekolah.
- iii. Pertandingan Kitar Semula peringkat sekolah dengan 78 penyertaan melibatkan sekolah menengah, sekolah rendah dan pra-sekolah.
- iv. *Green Eco Centre@Padang Chempedak* yang merupakan inisiatif MBSP bagi mewujudkan lokasi pembelajaran berkenaan kompos dan penanaman komuniti seperti cili, sawi, salad, pisang dan sebagainya.
- v. Program Pengumpulan E-Waste dengan 25 penyertaan daripada komuniti sekitar Seberang Perai bagi melaksanakan pengumpulan e-waste.
- vi. Kebun Komuniti dan Rooftop Gardening di mana Garis Panduan Kebun Komuniti telah disediakan bagi membantu komuniti mewujudkan kebun komuniti di kawasan perumahan

- vii. Program Pengumpulan Kotak Minuman yang disertai oleh 20 buah sekolah jenis kebangsaan cina di mana ,program diadakan sempena sambutan Tahun Baru Cina.
  - viii. Kollam Deepavali Kitar Semula dengan penyertaan oleh 26 buah sekolah jenis kebangsaan tamil sempena sambutan Deepavali dengan menggunakan barangan kitar semula.
  - ix. Program Latihan Vokasional Pembaikan Komputer dengan kerjasama antara Politeknik Metro Tasek Gelugor dan MBSP bagi memberikan latihan vokasional kepada pelajar sekolah berkenaan teknik pembaikan computer.
10. Di Pulau Pinang terdapat dua bidang utama yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri iaitu sektor pengilangan dan pelancongan. Penekanan yang diberikan oleh Seberang Perai adalah ekopelancongan yang sangat relevan dengan agenda hijau yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri.
11. MBSP telah menganjurkan beberapa siri *Seberang Perai International Conference on Ecotourism and Conservation Efforts (SPICEC)* dengan penglibatan peserta-peserta dari dalam dan luar negara untuk mengenalpasti produk-produk ekopelancongan di Seberang Perai.

12. Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama dan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga akan menganjurkan *Butterworth Fringe Festival 2023* (BFF 2023) pada 16–17 Disember 2023 (Sabtu – Ahad) bermula jam 5.00 petang sehingga 11.00 malam bertempat di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth. BFF 2023 akan meyajikan pengisian program tempatan dan antarabangsa.
  
13. Adalah diharapkan Program Tahun Melawat Melaka 2024 akan dapat menarik minat lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara mengunjungi Negeri Melaka. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya bagi pihak Majlis bandaraya Seberang Perai dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kehadiran Konvoi Jemputan Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM 2024) Kerajaan Negeri Melaka ke Bandaraya Seberang Perai. Dengan sokongan padu, kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak yang terlibat, kita doakan kejayaan pelaksanaan Program Tahun Melawat Melaka 2024.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***